

TALKING POINT

BRIG. JEN. DATUK PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN

NAIB CANSELOR

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

SEMPENA SENAMROBIK BERSAMA NAIB CANSELOR UniMAP KAMPUS

UNICITI SG. CHUCHUH & HARI BERSAMA RPS

PADA 16 MAC 2014

DI KAMPUS UNICITI UniMAP

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu Malaysia

Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP

SALUTASI

Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Abdul Hamid Adom, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP,

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UniMAP

Yang Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad, Pendaftar UniMAP,

Yang Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pemangku Pustakawan UniMAP,

Yang Berusaha Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP,
Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Penolong-penolong pengetua Kolej Kediaman UniMAP
Staf-staf Kolej Kediaman

Presiden-presiden Majlis Penghuni Kolej Kediaman
Barisan MPKK Sesi 2013/2014 yang baru
Seterusnya hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao, Magandang umaga (Tagalog), ahroonsawad (Bahasa Thai), Saba' Hal 'Khair.

KATA ALU-ALUAN

Hadirin sekalian,

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya yang mengizinkan serta memberi kekuatan kepada kita untuk bersama-sama pada pagi yang berbahagia ini. Terima kasih saya ucapkan buat semua pelajar warga UniMAP yang sudi hadir memberikan sokongan dalam menjayakan program pada hari ini.
2. Di kesempatan ini ingin saya merakamkan setinggi- tinggi syabas dan tahniah kepada barisan Jawatankuasa Pelaksana pada hari ini yang telah bertungkus lumus memastikan kelancaran perjalanan program tahunan UniMAP **SENAMROBIK BERSAMA NAIB CANSELOR UniMAP dan HARI BERSAMA RPS** ini. Sesungguhnya hanya Allah yang dapat membala jasa baik tuan-tuan semua.

Para Pelajar yang dikasihi sekalian

PROGRAM SENAMROBIK

3. Untuk makluman semua program senamrobik ini merupakan satu program mingguan yang diadakan bertujuan bukan sahaja akan menyihatkan badan malah sebagai medan untuk staf berkongsi maklumat dan pengetahuan akan isu-isu terkini yang berlaku di UniMAP. Namun pada hari ini kita mengadakan program ini dengan harapan ianya akan mengeratkan hubungan silaturahim diantara para pelajar dengan pihak pengurusan UniMAP.
4. Saya percaya melalui program ini, akan dapat menjadi medan terbaharu untuk para pelajar mengetahui matlamat dan perancangan yang dilakukan pihak pengurusan untuk kebaikan para pelajar sekalian.
5. Oleh itu, di kesempatan ini, saya ingin menyeru kepada semua pelajar agar manfaatkanlah dan sertailah semua aktiviti-aktiviti yang memberi manfaat seperti ini, kerana ia adalah salah satu usaha persediaan dalam melahirkan para pelajar yang berketrampilan, mapan, dan berilmu sebagai persediaan untuk anda generasi pelapis dalam masyarakat di masa hadapan.

Para Pelajar yang dikasihi sekalian

PERLANTIKAN MAJLIS PENGHUNI KOLEJ KEDIAMAN

6. Pada hari ini, kita dengan bangganya meraikan majlis penyerahan Watikah Perlantikan untuk **Majlis Penghuni Kolej Kediaman untuk sesi 2013/2014**. Tahniah saya ucapkan buat anak-anak pelajar sekalian.
7. Seperti yang kita sedia maklum, Majlis Penghuni Kolej Kediaman sebenarnya memikul peranan yang sama penting dengan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) malah MPKK juga boleh dikatakan lebih rapat dengan pelajar-pelajar apabila para pelajar berada di kolej kediaman dan mempunyai jumlah yang jauh lebih besar berbanding MPP.

8. Maka pelantikan anak pelajar sekalian sebagai Majlis Penghuni Kolej Kediaman sebenarnya hadir dengan satu tanggungjawab yang sangat besar. Tanggungjawab ini meliputi aspek kebijakan para pelajar di kolej kediaman, meliputi hal-hal keselamatan dan disiplin pelajar serta hal pengurusan masa pelajar-pelajar.

Anak didik yang saya kasihi sekalian

9. MPKK juga bertindak sebagai pendukung harapan para pelajar, malah dalam pada masa yang sama, mereka juga turut terlibat dengan pihak pengurusan kolej kediaman bagi menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar khususnya di kolej kediaman. MPKK juga harus membentuk kerjasama bukan sahaja dengan MPP malah dengan setiap kelab di pusat-pusat pengajian. Semangat kerjasama ini adalah sangat penting kerana setiap program yang akan dianjurkan selepas ini melibatkan kerjasama

10. Oleh yang demikian anggaplah perlantikan anak pelajar sekalian ini sebagai satu cabaran dan amanah untuk melengkapkan diri sebagai seorang mahasiswa yang cemerlang, gemilang dan terbilang apabila bergraduasi dan menjadi alumni kepada UniMAP kelak.

Para Pelajar yang dikasihi sekalian

EKSPO BUKU UniMAP

11. Saya difahamkan bermula pada 14 hingga 20 Mac telah diadakan Ekspo Buku UniMAP di Perkarangan Kampus UNICITI, Sungai Chuchuh anjuran Majlis Perwakilan Pelajar UniMAP. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada jawatankuasa pengajur kerana berjaya mengadakan ekspo yang dilihat amat berguna kepada para pelajar UniMAP.

12. Ianya adalah amat bertepatan dengan keperluan para pelajar sekaligus memudahkan anda semua untuk mencari buku rujukan yang boleh digunakan dalam pembelajaran seharian nanti. Kepada anak didik semua, gunakanlah sebaiknya peluang yang diberikan ini untuk melawat 25 booth

yang tersedia sepanjang seminggu ekspo ini diadakan. Manfaatkanlah baucar buku yang diberikan baru-baru ini dengan sebaiknya.

PENUTUP

Hadirin sekalian,

13. Rasanya, cukuplah ucapan saya untuk kali ini, semoga kita bertemu lagi dikesempatan akan datang. Sebelum mengakhiri ucapan, harapan saya agar apa yang saya sampaikan pada pagi ini akan menjadi perkongsian yang terbaik buat kita semua, Insya Allah. ***Dengan lafaz Bismillahirahmanirahim, saya merasmikan EKSPO BUKU UniMAP pada pagi ini.***

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalammualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.